



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 35 / 2019

SPR HANTAR KAD PENGUNDI (VOTER'S CARD) KEPADA 20,922 ORANG PENGUNDI DI PRK DUN N.27 RANTAU

1. Dalam usaha menggalak dan memudahkan pengundi untuk keluar mengundi pada Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN N.27 Rantau, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) meneruskan inisiatif penghantaran kad pengundi (*voter's card*) kepada **20,922 orang pengundi** yang meliputi **118 orang pengundi awal** dan **20,804 orang pengundi biasa**.
2. *Voter's card* tersebut mengandungi maklumat pengundian iaitu **pusat mengundi, saluran, bilangan, tarikh dan masa mengundi**. Maklumat tersebut akan memudahkan pengundi untuk keluar mengundi pada hari mengundi awal pada 9 April 2019 dan hari mengundi biasa pada 13 April 2019.
3. Pengundi yang telah menerima *voter's card* tidak lagi perlu membuat semakan di Barung SPR untuk menyemak saluran dan nombor bilangan pengundi dalam daftar pemilih kerana kedua-dua maklumat berkaitan telah dinyatakan dalam kad tersebut. SPR akan mengedarkan *voter's card* mulai 27 Mac 2019 kepada semua pengundi bagi PRK DUN N.27 Rantau, Negeri Sembilan.
4. SPR menegaskan bahawa pengundi masih perlu membawa **kad pengenalan** bagi pengesahan identiti untuk mengundi dan diingatkan supaya membawa ***voter's card*** atau **catatan maklumat daftar pemilih** pada hari mengundi bagi memudahkan semakan.
5. Bagi mana-mana pengundi yang tidak menerima *voter's card* berkenaan, kerana kemungkinan telah berpindah mereka boleh

membuat semakan maklumat pengundian iaitu pusat mengundi, saluran dan nombor bilangan. Semakan boleh dibuat melalui portal SPR www.spr.gov.my atau Aplikasi **MySPR Semak** atau melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) (**SPR <jarak> SEMAK <jarak> NOMBOR KAD PENGENALAN** hantar ke nombor **15888** atau menghubungi talian hotline SPR di **03-8892 7018**).

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh: 27 Mac 2019 / 20 Rejab 1440H